

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2014

Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) pendirian Kerajaan mengenai pengagihan kontrak melalui kaedah "RundinganTerus"; dan

(b) apakah syarikat yang telah dianugerahkan kontrak melalui rundingan terus, nilai kontrak dan perincian bidang kerja dari 1 Januari 2013 hingga 31 Mei 2014.

JAWAPAN

a. Kerajaan sentiasa menekankan supaya semua perolehan Kerajaan dilaksanakan melalui tender terbuka selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dalam proses perolehan dan memperkukuh daya saing serta bina upaya syarikat tempatan.

Walau bagaimanapun, rundingan terus dibenarkan dengan mendapat kelulusan khas dengan justifikasi kukuh bagi perolehan yang melibatkan kepentingan awam, aspek keselamatan dan strategik, pembekal tunggal, projek yang memerlukan kepakaran yang khusus dan melibatkan teknologi tinggi terutama sekali bagi projek-projek yang kompleks. Kerajaan sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk menambah baik tatacara perolehan semasa dalam usaha meningkatkan lagi tahap ketelusan dan integriti dalam perolehan Kerajaan.

b. Nama syarikat, jumlah nilai kontrak dan perincian bidang kerja yang diberikan oleh Kerajaan boleh diakses oleh umum melalui Portal MyPROCUREMENT seperti berikut: <http://myprocurement.treasury.gov.my/>